

**NO. SOALAN: 544**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**RUJUKAN : 7322**

**SOALAN:**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil bagi menyekat sebaran pengaruh kumpulan Negara Islam di Iraq dan Al-Syam (ISIS) dalam negara ini dan tindakan undang-undang serta rehabilitasi yang diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti ISIS.

## **JAWAPAN:**

**Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah dan sedang menjalinkan kerjasama yang rapat dengan agensi risikan asing untuk menyekat pengaruh kumpulan pengganas ISIS dari menular di dalam negara. Kerjasama ini termasuklah melalui kerjasama berterusan dalam pertukaran maklumat risikan dengan agensi-agensi keselamatan negara luar, khususnya negara-negara ASEAN.**

**Di antara platform undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti kumpulan pengganas ISIS ini adalah dibawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Kanun Keseksaan 1950, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 (*AMLATFA*) dan Akta Pertubuhan 1966.**

**Dari segi tindakan rehabilitasi yang diambil terhadap mereka yang terlibat dalam aktiviti ISIS adalah dengan mendekati bekas-bekas tahanan serta program mendekati masyarakat oleh PDRM bersama-sama Jabatan Penjara, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.**